



Jabatan Agama Islam Negeri Perak

PERTUNANGAN

Pertunangan adalah muqaddimah kepada perkahwinan iaitu dengan melamar wanita untuk dijadikan bakal isteri atau meminta persetujuan pihak wanita untuk menjadi isteri kepada pihak lelaki.

SYARAT PERTUNANGAN

➤➤➤ Berjumpa dengan wali/ mahram wanita

Wali wanita terdiri dikalangan mahramnya terutama ayah, abang, pak cik sebelah ayahnya atau ibunya dan siapa sahaja mahramnya yang berkaitan dengan wanita tersebut.

➤➤➤ Pertunangan wajib dirahsiakan.

Islam melarang terhadap tindakan menghebahkan pertunangan. Relevannya, andai tidak jadi perkahwinan, kedua-dua pihak akan menanggung malu dan ini mengakibatkan maruah tercemar terutama maruah wanita.

➤➤➤ Bertunang dengan wanita yang dibenarkan syara'

Wanita yang tidak boleh dipinang mengikut syara' ialah :

- wanita yang talak satu dan dua serta ada kemungkinan ruju'
- wanita yang kematian suami dan masih dalam i'ddah (3x suci)
- wanita yang diceraikan dengan talak 3 dan masih dalam i'ddah

➤➤➤ Tidak meminang tunangan lelaki lain.

Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

" Mukmin itu bersaudara, tidak halal baginya membeli diatas barangan belian saudaranya dan jangan meminang diatas pinangan saudaranya sehinggalah diputuskan (saudaranya memutuskan pertunangan)".

PERLU DIFAHAMI, pertunangan bukan lesen untuk bergaul secara bebas. Pasangan yang bertunang ,masih lagi dianggap sebagai orang asing yang dibatasi hukum syarak kerana tiada lagi ikatan pernikahan yang sah.

